

BERITA UTAMA

3 "SOLAT JEMAAH SUBUH
MACAM JUMAAT" DAPAT
SAMBUTAN MENGGALAKKAN



Platform Memantapkan Kredibiliti
Da'ie dalam Menyampaikan
Ceramah

11 **INFO
PENGISLAMAMAN**
Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan
Oktober
35
Orang



Dikir Brunei Perlu
Dipraktikkan dan Dipelihara

5

Majlis Menyertu Bangunan
Masjid Baharu
Kampong Junjongan

6

Bincang Peraturan Berkaitan
Keselamatan, Kesejahteraan
Jemaah Haji

7

Meningkatkan Kompetensi
dalam Menyampaikan
Perkembangan Dakwah

8

Meningkatkan Ilmu
Pengetahuan Agama Islam
Muallaf

9

OKTOBER
Rabiulawal/
Rabiulakhir 1446H **2024M**
Bil 10 • Tahun 36

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, *Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:** Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliha bin Ahad • Azizah binti Hidup • Dahlan bin Chuchu • Suriati binti Haji Ali Hussin • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

DOA AGAR DIBERI KESABARAN DAN KEKUATAN

رَبَّنَا آفِرْغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٥﴾

Mafhumnya:

"Ya Tuhan kami! Limpahkanlah atas kami kesabaran dan tetapkanlah pendirian kami (untuk menghadapi musuh) dan menangkanlah kami terhadap kaum yang kafir."

Surah al-Baqarah, ayat 250

Lidah
Pengarang

KELUARGA BAHAGIA DAMBAAN SEMUA

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa jua yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan."

Terjemahan Makna Surah at-Tahriim ayat 6

Islam mengajar umatnya agar menjadikan rumahtangga sebagai sebuah institusi yang aman, selamat, sihat, harmoni dan bahagia buat seluruh ahli keluarga. Justeru itu, pembinaan keluarga yang bahagia ini perlu dilihat kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh setiap isi rumah, merangkumi ibu bapa dan anak-anak. Tanggungjawab ini haruslah disemai sejak di awal perkahwinan lagi supaya ibu bapa menjadi orang pertama memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang betul kepada anak-anak. Dalam melahirkan generasi khalifah di dunia ini, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan di dalam surah Luqman terjemahan makna ayat 13:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa ia memberi pengajaran kepadanya: "Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."

Dalam pembinaan keluarga bahagia, dasarnya perlu selari dengan kehendak syara' agar ia memberi kesan yang baik kepada diri dan keluarga.

Keluarga bahagia hanya akan dapat diwujudkan jika setiap individu yang menganggotainya melalui pelbagai proses pemupukan jiwa yang berkesan sejak kecil. Kesediaan setiap anggota untuk bersedia berkorban dan bertolak ansur sesama mereka akan memudahkan proses pemupukan keluarga bahagia ini. Sesungguhnya keluarga bahagia merupakan asas pembentukan masyarakat yang penyayang dan maju. Jika pincang keluarga, maka pincanglah masyarakatnya. Memang setiap individu mendambakan keluarga bahagia, keluarga *sakinah, mawaddah wa rahmah*. ■

"SOLAT JEMAAH SUBUH MACAM JUMAAT" DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri "Solat Jemaah Subuh Macam Jumaat" di Masjid Kampong Sungai Besar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Rabiulakhir bersamaan 25 Oktober – Ahli Jawatankuasa Takmir dan Majlis Perundingan Kampong Sungai Besar telah menganjurkan "Solat Jemaah Subuh Macam Jumaat" yang diadakan di Masjid Kampong Sungai Besar.

Hadir bagi sama-sama mengimarahkan bersama para jemaah, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sejurus menunaikan sembahyang subuh berjemaah, tazkirah Subuh disampaikan oleh Profesor Dr. Haji Abdul Somad, penceramah dari Republik Indonesia.

Inti pati ceramah Profesor Dr. Haji Abdul Somad membincangkan mengenai tajuk tazkirah berkaitan institusi kekeluargaan: tanggungjawab suami, isteri dan anak-anak bagi melahirkan keluarga *sakinah, mawaddah wa rahmah*.

Profesor Dr. Haji Abdul Somad antara lain menjelaskan antara

kewajipan suami, iaitu memberi makan termasuk nafkah kepada isteri juga tanggungan suami sebagai ketua keluarga, tempat tinggal, pakaian terutamanya lengkap menutup aurat yang disyariatkan dalam Islam yang sesuai dengan kemampuan serta memberi pendidikan yang berguna umpamanya menjadi imam dalam sembahyang dan mengajar mengaji al-Qur'an.

Menurutnya lagi, selaku pemimpin dalam keluarga yang mempunyai anak perempuan, seorang ayah patut melihat dan menilai seorang bakal suami kepada anaknya itu daripada aspek agama dan akhlak yang baik.

Sementara itu tambahnya lagi, dari sudut perempuan untuk jodoh anak lelaki itu pula wajar dinilai dari segi hartanya, keturunan, kecantikan dan juga agamanya.

Selain kewajipan suami, Profesor Dr. Haji Abdul Somad juga menjelaskan beberapa perkara mengenai ciri-ciri sifat daripada seorang isteri antaranya menyenangkan hati suami, patuh dan taat, tidak khianat, iaitu menjaga amanah dengan sebaiknya dan selalu ingat-mengingati akan perkara kebaikan.

Sifat seorang isteri katanya, termasuk hati yang selalu bersyukur, lisan yang selalu berzikir dan menjadi isteri yang shalihah.

Sembahyang Subuh berjemaah diimamkan oleh Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud, Imam Masjid Kampong Sungai Besar.

Turut hadir, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, serta para jemaah masjid yang lain. ■



PROFESOR Dr. Haji Abdul Somad semasa memberikan tazkirah di majlis berkenaan.

PLATFORM MEMANTAPKAN KREDIBILITI DA'IE DALAM MENYAMPAIKAN CERAMAH

Oleh : Mohamad Zeliha Ahad



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan cenderamata kepada Ustazah Asma Harun, penceramah undangan dari Malaysia.

Faatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Muskrisman Safari bin Haji Awang Mustapa diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Tema program ialah "Da'wah dan Media Sosial: Peluang dan Cabaran" yang menekankan pentingnya media sosial sebagai platform penyampaian mesej dakwah dalam era digital masa kini.

Program yang memfokuskan kepada cabaran dan peluang yang ada dalam menggunakan media sosial sebagai alat penyebaran dakwah.

Antara lain, tujuan Program Mentoring Da'ie berkenaan adalah sebagai platform kepada para da'ie untuk berinteraksi dengan ulama di samping menimba ilmu dan memperkuat kredibiliti pegawai Pusat Da'wah Islamiah dalam menyampaikan ceramah.

Selain itu, ia juga untuk memberi motivasi kepada da'ie di Negara Brunei Darussalam untuk menghadapi cabaran dakwah masa kini. ■

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Rabiulakhir bersamaan 28 Oktober - Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penyebaran Da'wah mengendalikan Program Mentoring Da'ie bersama penceramah undangan dari Malaysia, Ustazah Asma Harun selama dua hari dari 24 hingga 25 Rabiulakhir 1446 Hijrah bersamaan 28 hingga 29 Oktober 2024.

Pengisian Program Mentoring Da'ie pada hari pertama sebelah pagi ialah Multaqa Da'ie, bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Awang Misle bin Haji Abdul Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Shamshol bin

Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama; Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, jemputan-jemputan khas dan para da'ie.

Seramai 200 orang terdiri daripada para pegawai dan da'ie Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pegawai dan da'ie undangan Pusat Da'wah Islamiah menyertai Multaqa Da'ie berkenaan. Multaqa Da'ie dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-



MENTERI Hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama jemputan khas.

DIKIR BRUNEI PERLU DIPRAKTIKKAN DAN DIPELIHARA

Oleh : Dahlan Chuchu



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan hadiah kepada wakil pasukan dari Kementerian Pertahanan.

BERAKAS, Selasa, 4 Rabiulakhir bersamaan 8 Oktober - Dikir Brunei adalah sebagai salah satu dikir yang diamalkan sejak dahulu lagi dan sewajarnya perlu dipraktik dan dipelihara agar ia tidak hilang ditelan zaman.

Dengan menguasai kemahiran berdikir, terutama lagu-lagu dikir Brunei, masyarakat Islam dapat berperanan dalam mengekalkan dikir Brunei berkenaan, memandangkan ramai pendikir yang masih kurang kemampuan dalam menyampaikan lagu-lagu berkenaan.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah bersama dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop menganjurkan Pertandingan Dikir Brunei Peringkat Akhir Bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian-Kementerian sempena

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pertandingan yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop berkenaan menyaksikan pasukan dari Kementerian Pertahanan menjuarai kategori Kumpulan Lelaki dengan memperoleh markah 97.95 peratus. Naib juara ialah pasukan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan memperoleh 95.90 peratus, manakala di tempat ketiga ialah

pasukan dari Jabatan Perdana Menteri dengan markah 93.20 peratus.

Sementara itu, juara bagi Kumpulan Perempuan pula disandang oleh pasukan dari Kementerian Pendidikan dengan jumlah markah 94.90 peratus, naib juara dari pasukan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kutipan markah 91.50 peratus, manakala tempat ketiga ialah pasukan Kementerian Pertahanan dengan jumlah markah 86.50 peratus.

Turut hadir, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Awang Misle bin Haji Abdul Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tujuan pertandingan diadakan adalah untuk melahirkan pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid yang mahir membawakan lagu-lagu dikir Brunei dan Dikir Syarafil Anam sekali gus mengetahui cara alunan dikir dengan betul tanpa melakukan kesilapan.

Selain itu, untuk meningkatkan keyakinan diri para peserta menyertai pelbagai pertandingan dikir yang akan diadakan pada masa hadapan. ■

MAJLIS MENYERTU BANGUNAN MASJID BAHARU KAMPONG JUNJONGAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis menyertu bangunan Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau.

JUNJONGAN, Rabu, 5 Rabiulakhir bersamaan 9 Oktober. – Penduduk Kampung Junjongan dan sekitarnya bakal mempunyai sebuah masjid yang baharu yang boleh menampung lebih kurang 1,600 orang jemaah dan dijangka siap pembinaannya di hujung tahun ini.

Bangunan masjid baharu ini dibina atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang tiga ekar dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang berjumlah BND5.2 juta. Pembinaan masjid baharu berkenaan dibina mulai dengan mendirikan tiangnya pada 18 Jun 2022.

Sehubungan itu, Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu Kampung Junjongan telah dilaksanakan. Hadir pada majlis berkenaan, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah dan doa selamat oleh Awang Mohd. Azri bin Abdullah@Abd. Rahman, imam masjid kampung berkenaan.

Pelbagai kemudahan disediakan untuk memastikan keselesaan semua pengunjung, termasuk bilik serbaguna, bilik pengurusan jenazah, tempat letak kereta, stor, tandas dan tempat berwudhu bagi lelaki dan perempuan termasuk juga tandas bagi orang berkeperluan khas lelaki dan perempuan.

Sementara itu, penduduk Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau dan sekitarnya juga akan mempunyai sebuah masjid baharu.

Bangunan masjid berkenaan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan lapan ekar dengan menggunakan anggaran peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara berjumlah BND4.3 juta dan dapat menampung kira-kira 2,000 jemaah.

Majlis menyertu bangunan masjid berkenaan telah diadakan pada 26 Rabiulakhir bersamaan 30 Oktober. Hadir di majlis berkenaan ialah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama dan, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

BINCANG PERATURAN BERKAITAN KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN JEMAAH HAJI

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MESYUARAT di antara Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam bersama Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi secara dalam talian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Rabiulakhir bersamaan 8 Oktober - Mesyuarat Persiapan Pengurusan Haji Bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di antara Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam bersama Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi secara dalam talian telah berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mewakili Kementerian Hal Ehwal Ugama pada mesyuarat berkenaan, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi; Dayang Norhafizah binti Haji Mohd. Sofian, Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi, selaku wakil Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi; Awang Salminan bin Haji Burut, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Awang Haji Khairul Amri bin Haji Bolhassan, Setiausaha Ketiga selaku wakil Pemangku Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah; Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad, Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim, Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Awang Haji Mohd. Hisham bin Awang Haji Maidin, Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang, Ataci Perhubungan Haji, Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah.

Mesyuarat berkenaan membincangkan mengenai peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan jemaah haji Negara Brunei Darussalam dan isu-isu yang berbangkit dalam pengurusan haji pada musim haji tahun lalu bagi tujuan penambahbaikan dan memastikan kelancaran pengurusan haji pada musim haji tahun 1446H / 2025M.

Hasil daripada mesyuarat berkenaan akan dibawa ke mesyuarat peringkat menteri pada Januari 2025, semasa menghadiri 4th Edition of the Hajj Conference and Exhibition di Arab Saudi. ■

MENINGKATKAN KOMPETENSI DALAM MENYAMPAIKAN PERKEMBANGAN DAKWAH

Oleh : Azizah Hidup



EMPAT pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Program Pelatihan Penguatan Kompetensi Da'i/ Da'iyah Tahun 2024 di Indonesia.

JAKARTA, Khamis, 6 Rabiulakhir bersamaan 10 Oktober – Seramai empat pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam menyertai Program Pelatihan Penguatan Kompetensi Da'i/ Da'iyah Tahun 2024 yang berlangsung di Jakarta Utara, Republik Indonesia. Mereka terdiri daripada dua pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah dan dua pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Program bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pegawai dalam menyampaikan dakwah yang relevan dengan perkembangan semasa, khususnya dalam konteks negara masing-masing.

Ini termasuk penguasaan konsep kesederhanaan dan penerapan strategi komunikasi yang lebih efektif. Selain itu, fokus utama program adalah memantapkan peranan Da'i/

Da'iyah dalam menangani isu-isu seperti radikalisme, ekstremisme, dan penyebaran aliran-aliran yang menyimpang.

Para peserta juga berpeluang mengikuti lawatan ke Masjid Al-Istiqal serta Unit Percetakan Al-Quran di Ciawi, Bogor yang akan menambah nilai pengalaman mereka sepanjang program berkenaan. ■

Program yang bertemakan "Bimbingan Teknis Penguatan Kompetensi Penceramah Agama Islam" berkenaan merupakan salah satu inisiatif di bawah Fokus Strategik "Pendidikan dan Penghayatan Beragama" dalam Rancangan Strategik MABIMS 2021-2025.

Program yang berlangsung selama tiga hari, bermula dari 7 hingga 9 Oktober 2024 tersebut merupakan kendalian Kementerian Agama Republik Indonesia sebagai negara penyelaras.



MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN AGAMA ISLAM MUALLAF

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



AWANG Haji Abd Rajid semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Skim Bimbingan Asas Muallaf.

PULAIE, Rabu, 19 Rabiulakhir bersamaan 23 Oktober – Seramai 43 peserta terdiri daripada 19 lelaki dan 24 perempuan dari Daerah Brunei dan Muara menamatkan Skim Bimbingan Asas Muallaf yang bermula 8 hingga 23 Oktober 2024.

Skim Bimbingan Asas Muallaf berobjektif untuk memberi bimbingan kepada para peserta muallaf dalam menghalusi dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan agama Islam terutama dalam bidang aqidah, ibadah dan akhlak.

Sehubungan itu, Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi para peserta Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-199 (Lelaki) dan Siri Ke-200 (Perempuan) diadakan di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Skim Bimbingan Asas Muallaf kelolaan Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah berkenaan telah dikendalikan selama 14 hari secara serentak di keempat-empat daerah.

Antara pengisian Skim Bimbingan Asas berkenaan termasuk mempelajari ilmu asas fardhu 'ain dan fardhu kifayah, iaitu iqra, hafalan, tauhid, fiqh, praktikal ibadah, sejarah Islam, pemakanan dalam Islam, akhlak Islam, kebersihan serta teori dan praktikal pengurusan jenazah.

Skim berkenaan juga dijalankan dengan mengutamakan kualiti pembelajaran dan penyebaran syakhsiah yang baik, manakala pendekatan yang dibawa adalah secara interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan kepada peserta muallaf.

Dalam usaha menjaga dan memelihara kemaslahatan saudara-saudara baharu, Pusat Da'wah Islamiah juga menyediakan beberapa program bimbingan khusus untuk muallaf, iaitu Bimbingan Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas (dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris), Skim Bimbingan Lanjutan I serta Skim Bimbingan Lanjutan II.

Kelas Bimbingan Muallaf juga turut dibukakan secara mingguan di keempat-empat daerah dan Program Lawatan Tarbiyah Muallaf ■

MEMANTAPKAN MUALLAF DENGAN KELAS SENI TARANNUM AL-QUR'AN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



AWANG Haji Ahmad Abdussalam semasa menyampaikan cenderahati kepada salah seorang peserta program.

Dalam ucapannya, Awang Haji Ahmad Abdussalam berharap dengan adanya Kelas Seni Tarannum Al-Qur'an di keempat-empat daerah dan Kelas Bimbingan Muallaf di masjid ini suatu hari nanti akan dapat melahirkan muallaf yang berkebolehan dan menggilap bakat yang sedia ada dalam kalangan muallaf dalam seni bacaan al-Qur'an dan tidak mustahil menjadi salah seorang dari wakil peserta musabaqah al-Qur'an di masa akan datang.

Terdahulu, Datin Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah menjelaskan Kelas Bimbingan Muallaf ini adalah merupakan kelas bimbingan yang mula-mula sekali dilaksanakan semenjak tahun 1985 hingga sekarang yang disediakan khusus bagi para muallaf di negara ini sebagai platform untuk belajar pengetahuan ugama Islam, membaca al-Qur'an, fardhu 'ain dan fardhu Kifayah.

Pada masa ini tambahannya, seramai 36 orang guru pembimbing yang berkemahiran telah dilantik dan ditempatkan untuk mengajar di kelas-kelas bimbingan di daerah-daerah. Turut hadir pada majlis tersebut, Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman, Penghulu Mukim Sengkuring.

SENGKURONG, Rabu, 5 Oktober - Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) sekali lagi mengorak langkah dengan membukakan satu platform bimbingan muallaf iaitu kelas lanjutan di bawah Program Kelas Bimbingan Muallaf yang dinamakan sebagai Kelas Seni Tarannum Al-Qur'an.

Kelas Seni Tarannum Al-Qur'an adalah bertujuan memberikan pendedahan kepada muallaf yang telah lancar membaca al-Qur'an dan berminat dalam bidang tarannum mengenai kaedah-kaedah bacaan dan lagu-lagu membaca al-Qur'an serta membantu peserta menguasai tajwid dengan lebih baik.

Di samping itu, inisiatif ini adalah untuk mempersiapkan para muallaf yang ingin menyertai Musabaqah Membaca Al-Qur'an di peringkat negara, Borneo atau serantau.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Kelas Seni Tarannum Al-Qur'an bagi muallaf di keempat-empat daerah disempurnakan oleh Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul


Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku tetamu kehormat majlis. Majlis berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring.

Majlis diselenggarakan dengan pembukaan cawangan baharu Kelas Bimbingan Muallaf di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring yang dihasratkan akan memudahkan para muallaf yang tinggal berhampiran untuk mengikuti Kelas Bimbingan Muallaf bagi mempelajari dan menghalusi bacaan al-Qur'an dan asas-asas fardhu 'ain serta fardhu kifayah.

Sehingga kini, sebanyak 18 tempat atau lokasi Kelas Bimbingan Muallaf telah dibuka di keempat-empat daerah, termasuk satu kelas yang menggunakan platform dalam talian.



Majlis Pengislaman OKTOBER 2024



...الْيَوْمَ اكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا...

Mafhumnya:


...Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu dan Aku telah cukupkan ke atas kamu ni'matKu dan Aku telah redhai bagi kamu Islam sebagai ugama (kamu)...

Surah al-Maa'idah: Ayat 29

STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



MENTERI Hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama rombongan daripada Secretary National Commission on Muslim Filipinos (NCMF).

BERAKAS, Khamis, 20
Rabiulakhir bersamaan 24

Oktober - Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, menerima kunjungan hormat daripada Yang Berhormat Sabuddin N. Abdurahim, Secretary National Commission on Muslim Filipinos (NCMF) bertempat di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan

Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Rombongan berada di negara ini bagi menyertai Zakat Framework Workshop pada 24 hingga 25 Oktober 2024.

Kunjungan hormat bertujuan mengeratkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Filipina serta bertukar-tukar pengetahuan dan

pengalaman dalam perkhidmatan agama khususnya berkaitan dengan kebajikan dan pembangunan ummah, pendidikan Islam, urusan haji, Biasiswa Pendidikan Ugama, industri halal, zakat dan pembangunan wakaf.

Hadir sama pada kunjungan hormat tersebut ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■